

Gesaan Muhyiddin undur demi survival parti

KUALA LUMPUR: Cadangan peralihan kuasa dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dan Perikatan Nasional (PN) bukan kerana dendam terhadap Presiden parti, Tan Sri Muhyiddin Yassin, namun lebih kepada survival dalam mendepani Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16).

Ketua Bersatu Bahagian Johor yang tidak mahu dinamakan berkata, perubahan itu perlu bagi memberi imej baharu terhadap parti tersebut di samping meningkatkan sokongan terhadap Bersatu dan PN itu sendiri.

“Separuh daripada ketua bahagian di Johor bimbang pada perkara yang sama sebenarnya. Kita bukan berdendam dengan Tan Sri Muhyiddin, beliau adalah Presiden yang datang dari negeri yang sama dengan kami. Kami ini semua di bawah pimpinannya, takkan kami hendak jatuhkan ketua kami sendiri jika ikut logiknya.

“Bagi saya ini bukan isu menolak Muhyiddin. Tetapi saya berpegang dengan nasihat Muhyiddin sendiri iaitu kita mesti sentiasa letakkan parti di depan.

“Kita ada peluang untuk menang dan jika berlaku perubahan kepemimpinan ke arah wajah baharu dan tawaran yang segar, peluang menang itu melonjak naik. Demi keme-

nangan parti, kita semua mesti berani berkorbankatannya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan kira-kira 120 ketua bahagian Bersatu telah menandatangani akuan bersumpah (SD) menggesa Muhyiddin berundur dan menyerahkan kepimpinan kepada Timbalan Presiden, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Perkara itu disahkan Ketua Bahagian Bersatu Ampang, Mohd. Isa Mohd. Saidi yang mengakui SD itu dibuat dengan mengambil kira kebimbangan survival parti mendepani PRU16.

Mengulas lanjut, Ketua Bahagian Bersatu Johor itu memaklumkan 16 daripada 22 Ketua Bahagian Bersatu Johor menandatangani SD tersebut yang meminta Muhyiddin membuat peralihan kuasa kepada Hamzah.

“Memang benar ada dokumen yang ditandatangani. Di Johor, iaitu negeri Muhyiddin sendiri, saya dan 15 lagi ketua bahagian menandatangani dokumen ini, menjadikan semuanya 16.

“Jika kita letakkan parti di depan, tidak ada salahnya untuk kita menaikkan Muhyiddin menjadi penasihat parti sementara Hamzah memimpin untuk kita menang,” katanya.

120 Ketua Bahagian Bersatu desak Muhyiddin berundur

KUALA LUMPUR: Kira-kira 120 ketua bahagian Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) telah menandatangani akuan bersumpah (SD) menggesa Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin berundur dan menyerahkan kepimpinan kepada Timbalan Presiden, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Perkara itu disahkan Ketua Bahagian Bersatu Ampang, Mohd. Isa Mohd. Saidi yang mengakui SD itu dibuat dengan mengambil kira kebimbangan survival parti mendepani Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16).

Katanya, semua tandatangan telah diserahkan kepada Muhyiddin pada minggu lalu.

“Saya sendiri telah menandatangani SD tersebut dan berharap kami boleh berunding dengan Muhyiddin mengenai perubahan ini,” katanya.

“Saya sendiri telah menyerahkan tandatangan SD itu kepada Muhyiddin dan berharap dia akan mengambil tindakan yang sesuai,” katanya.



MUHYIDDIN Yassin bersama Hamzah Zainudin (tengah) dan beberapa herti berakdi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) di Pusat Konvensyen Islam semalam. (UTUSAN MALAYSIA 1/9/2025)

“Tidak ada harapan untuk kami stahkan Presiden. Cuma kami sebagai Ketua Bahagian perlu memulihkan parti. Dalam masa sama kita tidak mahu ada pihak bucu menganggu setiap keputusan Tan Sri lakukan,” katanya.

Katanya, semua pihak perlu menyedari jika parti dominan mengesakan perubahan dan ia memerlukan kerjasama. “Pisr sebarangnya boleh terjadi jika kita bida-bida terus. Malah jika kita bertenggang dengan parti lain, dengan kita. Berpegang pada Pas tidak bermakna dengan parti lain, mereka boleh bertenggang dengan parti lain, kerana lebih banyak dan berbilang di kerusi Bersatu. Itu-

UTUSAN Malaysia
8 September 2025.